

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 12/1998**

---

**PENGUATKUASAAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA BAGI**  
**PONDOK-PONDOK TELEFON AWAM YANG**  
**DIDIRIKAN DI ATAS TANAH KERAJAAN / SIMPANAN JALAN**

Arahan ini dikeluarkan supaya Pentadbir-Pentadbir Tanah mengambil tindakan bagi memastikan semua pondok telefon awam yang didirikan di atas Tanah Kerajaan/Simpanan Jalan mempunyai Lesen Menduduki Sementara (LMS) yang dikeluarkan oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 66 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) 1965.

2. Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri dengan syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat dengan pembinaan pondok telefon awam di atas Tanah Kerajaan/Simpanan Jalan. Penyelarasan kasar dan lokasi juga telah ada dibuat di antara syarikat-syarikat berkenaan dengan Pejabat-Pejabat Tanah Jajahan.
3. Kegagalan syarikat-syarikat ini memiliki Lesen Menduduki Sementara di atas mengakibatkan mereka melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN 1965 iaitu mendirikan binaan di atas Tanah Kerajaan/Tanah Rizab tanpa kebenaran yang sah yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A KTN 1965 boleh dikenakan yang melibatkan perampasan, pencerobohan, pemusnahan atau pengalihan. Kompaun juga boleh dikenakan di bawah Seksyen 429B KTN 1965.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah menerima permohonan Lesen Menduduki Sementara dan memprosesnya sebagaimana permohonan Lesen Menduduki Sementara yang biasa. Permohonan Lesen Menduduki Sementara bagi kesemua pondok telefon adalah dikira sebagai satu permohonan bagi setiap Jajahan. Tiada deposit dikenakan tetapi Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memungut 10% daripada jumlah sebenar bayaran lesen yang perlu dibayar oleh Syarikat-Syarikat tersebut. Baki 90% lagi hendaklah dipungut setelah Lesen Menduduki Sementara diluluskan.
  
5. Arahan ini adalah bagi memastikan bahawa bermula 1 Januari 1999, kesemua pondok telefon awam yang didirikan di atas Tanah Kerajaan/Simpanan Jalan mempunyai Lesen Menduduki Sementara. Sekiranya selepas 31 Disember 1998 syarikat-syarikat berkenaan gagal membuat permohonan Lesen Menduduki Sementara, tindakan-tindakan seperti di para 3 hendaklah diambil.
  
6. Arahan ini berkuatkuasa 1 Januari 1999.

**t.t**

**(Md. Yusof bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA :**

Semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.2369 JLD.2 (40)**

**BERTARIKH : 25 REJAB 1419H  
15 NOVEMBER 1998**